



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2006

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UDM BAGI UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mewujudkan satu skim perkhidmatan baru iaitu Pensyarah UDM Gred DD41, DD45/46, DD51/52, DD53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A bagi kegunaan di Universiti Darul Iman Malaysia (UDM).

LATAR BELAKANG

2. Pada 24 Ogos 2005 Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan UDM di Negeri Terengganu Darul Iman yang mula beroperasi mulai sesi pengajian 2006 – 2007. Sementara itu Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) akan dibubarkan oleh kerajaan Negeri Terengganu. Kampus KUSZA dijadikan salah sebuah Kampus UDM. Dua lagi kampus ialah Kampus Besut dan Kampus Kuala Terengganu. Ketiga-tiga

kampus tersebut akan mempunyai *niche* yang tersendiri. Sebelum dibubarkan KUSZA mempunyai tenaga pengajar yang menggunakan skim perkhidmatan Pensyarah KUSZA Gred DG41, DG44, DG48, DG52, dan DG54. Sementara Kampus Besut dan Kampus Kuala Terengganu adalah merupakan kampus yang baru.

PEMBATALAN SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH KUSZA

3. Berikutan pembubaran KUSZA oleh Kerajaan Negeri Terengganu, skim perkhidmatan Pensyarah KUSZA yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan kecuali perbekalan mengenai Jadual Gaji Matriks berkaitan yang perlu dikekalkan untuk menampung pensyarah berkenaan seperti di perenggan 7 (a) (ii) (iii) (iv) dan (v). Oleh kerana UDM memerlukan kepakaran Pensyarah KUSZA, Kerajaan memutuskan untuk mewujudkan skim perkhidmatan Pensyarah UDM bagi membolehkan Pensyarah KUSZA ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM.

SKIM PERKHIDMATAN BARU

4. Berikutan keputusan tersebut dan mengambil kira keunikan UDM dari segi strukturnya berbanding Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain dan kursus-kursus yang ditawarkan, maka kerajaan memutuskan supaya satu skim perkhidmatan baru digubal khas untuk tenaga pengajar UDM. Skim perkhidmatan baru ini ialah skim perkhidmatan **Pensyarah UDM**. Perbekalan yang terdapat dalam skim perkhidmatan ini adalah seperti berikut:-

- (a) skim perkhidmatan Pensyarah UDM diletakkan dalam Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan dengan Kod Gaji baru iaitu DD bagi memberikan identiti yang tersendiri kepada UDM;

- (b) skim perkhidmatan ini menggunakan gred gaji DD41, DD45/46, DD51/52, DD53/54, Gred Khas C, Gred Khas B dan Gred Khas A;
- (c) syarat pelantikan minimum ke Gred DD41 ialah ijazah sarjana muda kepujian;
- (d) lantikan *lateral* dibenarkan ke gred-gred DD45, DD51, DD53 dan ke Gred Khas dengan kelayakan minimum ijazah sarjana;
- (e) kenaikan pangkat dari Gred DD41 hingga ke Gred Khas adalah **tanpa kekosongan jawatan** tetapi disyaratkan memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D dan syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (f) kenaikan pangkat dalam keadaan istimewa daripada Gred DD45 ke Gred DD54 dan dari gred DD45 ke Gred Khas C serta dari Gred DD51/52 ke Gred Khas C adalah dibenarkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

5. Skim perkhidmatan tersebut adalah seperti di **Lampiran A** manakala format iklan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5, C6, C7, C8 dan C9**.

6. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan ini, maka semua pelantikan bagi melaksanakan tugas-tugas sebagai tenaga pengajar UDM hendaklah menggunakan skim perkhidmatan ini dan syarat-syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PELAKSANAAN

7. Pihak Pengurusan UDM akan menyediakan peruntukan untuk membolehkannya mengambil bekerja Pensyarah KUSZA yang telah menerima opsyen untuk ditukar lantik

menjadi Pensyarah UDM. Semua tenaga pengajar KUSZA yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pensyarah KUSZA dan dilantik secara tetap adalah layak diberi opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM. Urusan pertukaran pelantikan Pensyarah KUSZA ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM akan dilaksanakan seperti berikut:-

- (a) **Pensyarah KUSZA Berkelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian**
- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD41;
 - (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM tetapi dikekalkan atas gred gaji DG44 Secara Khas Untuk Penyandang (KUP);
 - (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM tetapi dikekalkan atas gred gaji DG48 secara KUP;
 - (iv) Pensyarah KUSZA Gred DG52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM tetapi dikekalkan atas gred gaji DG52 secara KUP; dan
 - (v) Pensyarah KUSZA Gred DG54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM tetapi dikekalkan atas gred gaji DG54 secara KUP.

(b) **Pensyarah KUSZA Berkelayakan Ijazah Sarjana / Ph.D**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD45;
- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD46;
- (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD52;
- (iv) Pensyarah KUSZA Gred DG52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD52; dan
- (v) Pensyarah KUSZA Gred DG54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD54;

PEMBERIAN OPSYEN

8. Dengan terlaksananya skim perkhidmatan Pensyarah UDM, maka Pihak Pengurusan KUSZA bolehlah menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada Pensyarah KUSZA bagi membolehkan pegawai membuat pilihan seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan di **Lampiran D**. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD41, DD45/46, DD51/52 dan DD53/54 mengikut mana yang berkenaan.

9. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap sebagai telah tidak memilih untuk memasuki skim perkhidmatan Pensyarah UDM dan akan **dibersarakan atau ditamatkan** perkhidmatan. Pilihan yang dibuat adalah muktamad.

10. Tawaran opsyen ini diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dalam skim perkhidmatan Pensyarah KUSZA serta telah memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Pensyarah KUSZA yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

12. Pensyarah KUSZA yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

13. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen dan notis persetujuan penamatan perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran D, D(a), D1, D2 dan D3**.

14. Tawaran opsi ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara / kontrak / sambilan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

15. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Pensyarah KUSZA Gred DG41, DG44, DG48, DG52 dan DG54 ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD41, DD45/46, DD51/52 dan DD53/54 ditetapkan seperti berikut:

- a) Pensyarah KUSZA yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred asal di Peringkat 1 (P1) gred baru;
- b) Pensyarah KUSZA yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal di Peringkat 1 (P1) gred baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji di P1 gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- c) jika matagaji di gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam;

16. Secara terperinci penetapan gaji permulaan bagi Pensyarah KUSZA yang ditukar lantik ke Pensyarah UDM bagi setiap gred adalah seperti berikut:-

(a) **Pensyarah KUSZA Gred DG41**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 berkelelahan **ijazah sarjana muda kepujian** yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DD41;
- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG41 berkelelahan **ijazah sarjana muda kepujian** yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred DD41 mengikut Peringkat (P) gaji di gred asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) di gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG41 **berkelelahan ijazah sarjana / Ph.D** yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DD45; dan
- (iv) Pensyarah KUSZA Gred DG41 **berkelelahan ijazah sarjana / Ph.D** yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DD45 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang

ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(b) **Pensyarah KUSZA Gred DG44**

(i) Pensyarah KUSZA Gred DG44 berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian hendaklah dikekalkan **di gred dan gaji asal secara KUP**. Gaji pensyarah berkenaan hanya akan dipindahkan ke matagaji Pensyarah UDM Gred DD46 sehari selepas memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DD46 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 berkelayakan **ijazah sarjana / Ph.D** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DD46 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(c) **Pensyarah KUSZA Gred DG48**

(i) Pensyarah KUSZA Gred DG48 berkelayakan **ijazah sarjana muda kepujian** hendaklah dikekalkan **di gred dan gaji asal secara KUP**. Gaji pensyarah berkenaan akan dipindahkan ke

matagaji Pensyarah UDM Gred DD52 sehari selepas memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DD52 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 berkelayakan **ijazah sarjana / Ph.D** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DD52 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(d) **Pensyarah KUSZA Gred DG52**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG52 berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian hendaklah dikekalkan **di gred dan gaji asal secara KUP**. Gaji pensyarah berkenaan akan dipindahkan ke matagaji Pensyarah UDM Gred DD52 sehari selepas memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di gred DD52 mengikut Peringkat (P) yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG52 **berkelayakan ijazah sarjana / Ph.D** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di gred DD52 mengikut Peringkat (P) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.
- (e) **Pensyarah KUSZA Gred DG54**
- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG54 **berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian** hendaklah dikekalkan **di gred dan gaji asal secara KUP**. Gaji pensyarah berkenaan akan dipindahkan ke matagaji Pensyarah UDM Gred DD54 sehari selepas memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
 - (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG54 berkelayakan ijazah sarjana / Ph.D hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred DD54 mengikut Peringkat (P) gaji di gred asal yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

17. Contoh-contoh kaedah penetapan gaji adalah seperti di **Lampiran E, E1, E2, E3, E4, E5, E6, E7 dan E8.**

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

18. Pergerakan Gaji Tahunan di gred asal yang sepatutnya diterima oleh pensyarah berkenaan pada 1 Oktober 2006 hendaklah diberi di gred asal pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan sebelum diselaraskan ke gred baru kecuali:

- (a) Pensyarah KUSZA Gred DG44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM tetapi dikekalkan atas gred gaji DG44 KUP;
- (b) Pensyarah KUSZA Gred DG48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM tetapi dikekalkan atas gred gaji DG48 secara KUP;
- (c) Pensyarah KUSZA Gred DG52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM tetapi dikekalkan atas gred gaji DG52 secara KUP; dan
- (d) Pensyarah KUSZA Gred DG54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM tetapi dikekalkan atas gred gaji DG52 secara KUP;

Bagi pegawai-pegawai di perenggan (a) hingga (d) di atas, Pergerakan Gaji Tahunannya hendaklah diberi di gred asal mengikut Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tahunan masing-masing.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

19. TPG asal bagi Pensyarah yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru itu ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

20. TPG bagi Pensyarah yang belum layak untuk ditukar lantik ke gred baru yang ditetapkan adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pensyarah tersebut layak ditukar lantik dan TPG baru itu ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

21. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pensyarah UDM akan menerima elaun dan kemudahan yang ditetapkan seperti di **Lampiran F, dan F1** atau pindaan yang dibuat ke atasnya oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Elaun dan kemudahan lain seperti dalam pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa adalah juga terpakai di mana berkaitan.

HADIAH PERGERAKAN GAJI (HPG)

Pensyarah KUSZA Yang Ditukar Lantik Ke Pensyarah UDM

22. Pemberian HPG seperti yang dinikmati oleh Pensyarah KUSZA melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1994 (PP Bil. 4/1994) adalah dikekalkan dengan pengubahsuaian dibuat apabila Pensyarah KUSZA ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM. Kaedah pemberian HPG adalah ditetapkan seperti berikut:-

- (a) Pensyarah KUSZA Gred DG41 berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian yang dilantik tetap sama ada yang telah disahkan atau sebaliknya adalah layak diberi dua (2) HPG mulai tarikh rasmi keputusan kelayakan sarjana diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam PP Bil. 4/1994. Kelayakan sarjana hendaklah diperolehi **sebelum atau dalam tempoh opsyen** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM. HPG

hendaklah dibayar atas Gred DG41 sebelum pegawai tersebut ditukar lantik ke Gred DD45;

- (b) Pensyarah KUSZA Gred DG41 berkecukupan ijazah sarjana yang dilantik secara tetap sama ada yang telah disah atau sebaliknya adalah layak diberi baki satu (1) HPG mulai tarikh rasmi keputusan kecekupan Ph.D diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam PP Bil. 4/1994. Kecukupan Ph.D tersebut hendaklah diperolehi **sebelum atau dalam tempoh opsyen** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM. HPG hendaklah dibayar atas Gred DG41 sebelum pegawai tersebut ditukar lantik ke Gred DD45;
- (c) Pensyarah KUSZA Gred DG41 yang tiada berkecukupan ijazah sarjana akan ditukar lantik ke Gred DD41 skim perkhidmatan Pensyarah UDM dan tidak layak mendapat HPG sekiranya memperolehi kecekupan ijazah sarjana. Apabila ijazah sarjana diperolehi dalam skim perkhidmatan Pensyarah UDM, mereka layak dipertimbang kenaikan pangkat ke Gred DD46 mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pensyarah UDM; dan
- (d) Pensyarah KUSZA Gred DG41 berkecukupan ijazah sarjana yang telah ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM Gred DD45 dan memperolehi Ph.D adalah layak diberi baki satu (1) HPG mulai tarikh rasmi keputusan kecekupan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam PP Bil. 4/1994. Kecukupan Ph.D tersebut hendaklah diperolehi **selepas tarikh tamat tempoh opsyen** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM.

Pensyarah UDM

Pensyarah UDM Gred DD45 yang dilantik secara tetap sama ada yang telah disahkan atau sebaliknya layak menerima tiga (3) HPG apabila memperolehi kelayakan Ph.D mulai tarikh rasmi kelayakan itu diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam PP Bil. 4/1994.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

23. Bagi melaksanakan skim perkhidmatan Pensyarah UDM ini, Pihak Pengurusan KUSZA dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

(a) **Pihak Pengurusan UDM**

- (i) menyediakan peruntukan untuk membolehkan diambil bekerja Pensyarah KUSZA yang telah menerima opsyen untuk ditukar lantik menjadi Pensyarah UDM;
- (ii) menyediakan kriteria-kriteria pemilihan dan menguruskan pemilihan Pensyarah KUSZA Gred DG54 yang ditukar lantik ke Gred DD54 yang layak menggunakan gelaran Profesor Madya; dan
- (iii) mengeluarkan surat tawaran pelantikan kepada Pensyarah KUSZA yang telah menerima opsyen untuk ditukar lantik menjadi Pensyarah UDM.

(b) **Pihak Yang Menawarkan Opsyen**
(Pihak Pengurusan KUSZA)

- (i) mengedarkan surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah UDM kepada Pensyarah KUSZA Gred DG41, DG44, DG48, DG52 dan DG54. Contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen dan notis persetujuan penamatan perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran D, D(a), D1, D2 dan D3**; dan
- (ii) memberi penjelasan secara terperinci mengenai opsyen kepada anggota terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Pihak Pengurusan KUSZA untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh Pihak Pengurusan UDM dan satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan sama ada menerima atau menolak opsyen tawaran ini dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.


TARIKH KUAT KUASA

23. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2006**.

PEMAKAIAN

24. Pekeliling Perkhidmatan ini hanya terpakai untuk UDM sahaja.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

1 Ogos 2006

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

LAMPIRAN A

**SKIM PERKHIDMATAN
PENSYARAH UDM**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
**KUMPULAN
PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 OGOS 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred DD41	: P1T1 RM1631.95 - P1T25 RM4039.85 P2T1 RM1721.49 - P2T25 RM4281.85 P3T1 RM1814.66 - P3T25 RM4544.42	
Gred DD45	: P1T1 RM2213.96 - P1T21 RM4769.48 P2T1 RM2297.45 - P2T21 RM5033.26 P3T1 RM2384.57 - P3T21 RM5316.40	
Gred DD46	: P1T1 RM2213.96 - P1T21 RM4769.48 P2T1 RM2384.57 - P2T21 RM5316.40	
Gred DD51	: P1T1 RM3976.93 - P1T10 RM5599.54 P2T1 RM4164.48 - P2T10 RM5852.43 P3T1 RM4359.29 - P3T10 RM6112.58	
Gred DD52	: P1T1 RM3976.93 - P1T10 RM5599.54 P2T1 RM4359.29 - P2T10 RM6112.58	
Gred DD53	: P1T1 RM4210.46 - P1T10 RM5910.51 P2T1 RM4398.01 - P2T10 RM6188.81 P3T1 RM4592.82 - P3T10 RM6476.79	
Gred DD54	: P1T1 RM4210.46 - P1T10 RM5910.51 P2T1 RM4592.82 - P2T10 RM6476.79	
Gred Khas	: Gred Khas C - RM6135.80 – RM7672.50 Gred Khas B - RM6571.40 – RM8229.10 Gred Khas A - RM7224.80 – RM9039.80	

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DD41

- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T1); atau

- (ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T3); atau

- (iv) ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T5); atau

- (v) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar di bawah Seksyen 12 (1) Akta Doktor Veterinar 1974 selaras dengan kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T5); atau

- (vi) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T6); atau

- (vii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T7); atau

- (viii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T8);

- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DD45

- (e) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD45: P1T1); atau

- (ii) ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD45: P1T1); atau

- (iii) ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD45: P1T1); atau

- (iv) kelayakan perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II, Bahagian 1, Akta Doktor Perubatan Veterinar 1974 dan Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD45: P1T4); atau

- (iv) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD45: P1T4);

- dan (f) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DD51

- (g) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(e) dan (f) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang **istimewa mutunya**; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DD53 (Profesor Madya)

- (h) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(e) dan (f) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang **sangat istimewa mutunya**; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

**Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred Khas C
(Profesor)**

- (i) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(e) dan (f) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang **terkemuka mutunya**; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DD41, DD45, DD51, DD53 dan Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja, bakat, kemahiran atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4. Pensyarah UDM yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 5. Pensyarah UDM boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

- 6. Pensyarah UDM dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 7. Pensyarah UDM yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

- 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pensyarah UDM hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DD46**

10. Pensyarah UDM Gred DD41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UDM Gred DD46 apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) memiliki kelayakan di perenggan 1(e);
- (c) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **bermutu tinggi** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UDM;
- (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (e) diperaku oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DD52**

11. Pensyarah UDM Gred DD45/DD46 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UDM Gred DD52 apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UDM;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DD54
(PROFESOR MADYA)**

12. Pensyarah UDM Gred DD51/DD52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UDM Gred DD54 apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **sangat istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UDM;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

13. Pensyarah UDM Gred DD53/DD54 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UDM Gred Khas C apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **terkemuka mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UDM;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DD45/46
KE GRED DD54
(PROFESOR MADYA)
DALAM KEADAAN
ISTIMEWA**

14. Pensyarah UDM Gred DD45/DD46 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik **sangat terkemuka mutunya** adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DD54.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DD45/46 KE
GRED KHAS C
(PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

15. Pensyarah UDM Gred DD45/DD46 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang **sangat luar biasa mutunya** adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DD51/52 KE
GRED KHAS C
(PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

16. Pensyarah UDM Gred DD51/DD52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang **luar biasa mutunya** adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS YANG
LEBIH TINGGI**

17. Pensyarah UDM Gred Khas C adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UDM; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan.

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pensyarah UDM
 - (b) Badan Berkanun : Universiti Darul Iman Malaysia
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan
2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred DD41	: P1T1 RM1631.95 P2T1 RM1721.49 P3T1 RM1814.66	- P1T25 RM4039.85 - P2T25 RM4281.85 - P3T25 RM4544.42
Gred DD45	: P1T1 RM2213.96 P2T1 RM2297.45 P3T1 RM2384.57	- P1T21 RM4769.48 - P2T21 RM5033.26 - P3T21 RM5316.40
Gred DD46	: P1T1 RM2213.96 P2T1 RM2384.57	- P1T21 RM4769.48 - P2T21 RM5316.40
Gred DD51	: P1T1 RM3976.93 P2T1 RM4164.48 P3T1 RM4359.29	- P1T10 RM5599.54 - P2T10 RM5852.43 - P3T10 RM6112.58
Gred DD52	: P1T1 RM3976.93 P2T1 RM4359.29	- P1T10 RM5599.54 - P2T10 RM6112.58
Gred DD53	: P1T1 RM4210.46 P2T1 RM4398.01 P3T1 RM4592.82	- P1T10 RM5910.51 - P2T10 RM6188.81 - P3T10 RM6476.79
Gred DD54	: P1T1 RM4210.46 P2T1 RM4592.82	- P1T10 RM5910.51 - P2T10 RM6476.79
Gred Khas	: Gred Khas C Gred Khas B Gred Khas A	- RM6135.80 – RM7672.50 - RM6571.40 – RM8229.10 - RM7224.80 – RM9039.80

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T1); atau

- (ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41:P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41:P1T3); atau

- (iv) ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41:P1T5); atau

(v) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar di bawah seksyen 12 (1) Akta Doktor Veterinar 1974 selaras dengan kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua.

Gaji permulaan ialah pada Gred DD41: P1T5); atau

(v) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41:P1T6); atau

(vi) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41:P1T7); atau

(vii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DD41:P1T8);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara.
6. Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan / ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
8. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

Catatan

Syarat lantikan terus ke gred-gred lebih tinggi daripada DD41 hendaklah berpandukan syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
PENSYARAH UDM BERKELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN
(RM SEBULAN)**

I. GRED GAJI SSM : DD41 (PENSYARAH UDM)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : DD41000

III. TARIKH KUAT KUASA : 1.9.2006

JADUAL GAJI SSM : DD41

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24	T25	
P1	1631.95	1710.60	1789.25	1867.90	1946.55	2025.20	2103.85	2182.50	2261.15	2339.80	2418.45	2497.10	2575.75	2654.40	2733.05	2811.70	2890.35	2969.00	3047.65	3126.30	3204.95	3283.60	3362.25	3440.90	3519.55	3598.20
P2	1721.49	1803.77	1886.05	1968.33	2050.61	2132.89	2215.17	2297.45	2379.73	2462.01	2544.29	2626.57	2708.85	2791.13	2873.41	2955.69	3037.97	3120.25	3202.53	3284.81	3367.09	3449.37	3531.65	3613.93	3696.21	3778.49
P3	1814.66	1900.57	1986.48	2072.39	2158.30	2244.21	2330.12	2416.03	2501.94	2587.85	2673.76	2759.67	2845.58	2931.49	3017.40	3103.31	3189.22	3275.13	3361.04	3446.95	3532.86	3618.77	3704.68	3790.59	3876.50	3962.41

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
PENSYARAH UDM BERKELAYAKAN IJAZAH SARJANA ATAU Ph.I**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : DD45 (PENSYARAH UDM)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : DD45000

III. TARIKH KUAT KUASA : 1.9.2006

JADUAL GAJI SSM : DD45

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
P1	2213.96	2293.82	2373.68	2453.54	2533.40	2613.26	2746.36	2879.46	3012.56	3145.66	3278.76	3411.86	3544.96	3678.06	3811.16	3970.88	4130.60	4290.32	4450.04	4609.76	4769.48
P2	2297.45	2380.94	2464.43	2547.92	2631.41	2769.35	2907.29	3045.23	3183.17	3321.11	3459.05	3596.99	3734.93	3872.87	4038.64	4204.41	4370.18	4535.95	4701.72	4867.49	5033.26
P3	2384.57	2471.69	2558.81	2645.93	2789.92	2933.91	3077.90	3221.89	3365.88	3509.87	3653.86	3797.85	3941.84	4113.66	4285.48	4457.30	4629.12	4800.94	4972.76	5144.58	5316.40

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
PENSYARAH UDM BERKELAYAKAN IJAZAH SARJANA ATAU Ph.I**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : DD46 (PENSYARAH UDM)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : DD46000

III. TARIKH KUAT KUASA : 1.9.2006

JADUAL GAJI SSM : DD46

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
